

# UPM terajui revolusi pembangunan sepak takraw di IPT

**PETALING JAYA:** Universiti Putra Malaysia (UPM) dipilih sebagai peneraju Program Pusat Sukan Tumpuan (PST) Sepak Takraw di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) bagi tempoh 2025 hingga 2028.

PST Sepak Takraw kali ini hadir bersama sasaran besar dan lebih agresif dengan menjadi skuad Malaysian University sebagai kuasa dominan dalam Sepak Takraw League (STL) 2025 dan Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2026.

Timbalan Setiausaha Bahagian Perancangan Strategik KPT, Dr. Hanafiah Ayub berkata, pro-

gram tersebut adalah langkah transformasi bagi memastikan lebih ramai atlet Institut Pengajian Tinggi (IPT) bukan sahaja menyertai, tetapi mendominasi kejohanan bertaraf tinggi.

"Kalau kita lihat pencapaian sepak takraw di peringkat negara, ramai pemain berbakat dari IPT. Kementerian mengambil langkah untuk memberi penerapan PST bagi memastikan lebih banyak penglibatan atlet IPT di peringkat kebangsaan dan antarabangsa," katanya.

Salah satu fokus utama program PST adalah menghantar pasukan bertanding dalam

STL 2025 iaitu liga profesional utama negara yang menghim-punkan pemain-pemain terbaik tanah air.

Sebagai langkah memperkuuh jenama sepak takraw IPT, pasukan yang dahulunya dikenali KPT Masum Night kini dijenamakan semula sebagai Malaysian University Sepak Takraw Team (MUST).

"Penjenamaan ini bukan sekadar perubahan nama, tetapi satu simbol kesatuan dan kekuatan lebih 300 IPT di Malaysia yang kini bersatu di bawah satu bendera dalam sepak takraw," jelasnya.



**HANAFIAH** (dua dari kanan) percaya program PST Sepak Takraw mampu melahirkan lebih ramai atlet berkualiti.